"A police report has been made over the incident, and the Education Ministry is conducting its own probe. Next week, I will meet the parties involved (for discussions)," she told reporters after launching the Penang-level National Youth Day celebration and Rakan Muda Mini Tour at the Esplanade here yesterday.

Hannah said this when commenting on recent media reports that the local sports arena has been rocked by another sexual harassment case, this time involving a dodgeball coach.

Malaysian Association of Dodgeball president Datuk V. Radhakrishnan was reported as saying that the victim was a primary school pupil and that the association had received a complaint from the school's Parent-Teacher Association Co-Curriculum Bureau.

Meanwhile, Hannah said that through the Rakan Demokrasi component of the Rakan Muda initiative, the ministry had undertaken several projects to improve understanding and knowledge of democracy among youths, especially with the approach of six state elections.

She said Rakan Demokrasi would not only inform them of their right to vote but also educate them on the election process.

"The right to cast their ballot has been given but it can be difficult without education as we are concerned that they may not know what to do regarding the polling process and the like.

"We have done a lot on this, especially via online content, to improve the understanding and awareness of youths on the system of democracy," she said. — Bernama




Yeoh speaks after launching the Penang-level National Youth Day celebration and Rakan Muda Mini Tour at the Esplanade. — Bernama photo

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TERENGGANU LASS CROWNED MISS PETITE GLOBAL MALAYSIA 2023 | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Terengganu lass crowned Miss Petite Global Malaysia 2023

**KUCHING:** Amierah Nashihin Mohd Fazlan was crowned Miss Petite Global Malaysia 2023 — beating 13 other finalists from all over the country — at a glittering ceremony held at The Platform Performing Arts Theatre in Kuala Lumpur recently.

The 20-year-old lass from Terengganu walked away with RM3,500 worth of cash and other prizes.

The sophisticated hijab-wearing beauty was crowned by outgoing Miss Petite Global Malaysia and reigning Miss Petite Global 2023, Darsha Nair.

"I am excited about my journey for the international competition and being crowned as the first hijab-wearing national winner.

"I also hope this is the first step and the platform for me to becoming an actress one day — I've always wanted to be an actress since I was little," Amierah said.

With the win, Amierah will represent Malaysia at the Miss Petite Global International Finals next year.

The freelance model and entrepreneur hopes she can help the less fortunate and needy if the opportunity arises.

The charitable beauty also took home the Miss Social Media, Best in Evening Gown, Popular Award and Darling of the Crowd subsidiary awards.

Meanwhile, first runner-up Siti Najmina, a 27-year-old document specialist from Penang, won the Miss Congeniality and Miss Photogenic subsidiary awards.

Sharifah Nadhirah, a 27-year-old hijab-wearing electrical engineer from Terengganu, came in third while Shalene Namasivayam, a 26-year-old lecturer from Selangor and Zaty Saufi, a 23-year-old hijab-wearing police officer from Pahang, were placed in the Top 5.

Other contestants for the Malaysia edition included Hazel Angeline Arthur, a 20-year-old from Sarawak, Sabrine Lee (26, Sabah), Fating Fazliana (19, Kelantan), Nor Rafidah (19, Sabah), Moniesha Chatri (30, Pahang), Silohcana Siva Kumar (24, Kuala Lumpur), Sonia Zizi (19, Sarawak), Meliora Natasya (18, Pahang) and Hema Raman (27, Negeri Sembilan).

Miss Petite Global Malaysia, which entered its third edition, was oranised by Sarawakian-based Kuala Lumpur company Tiara Management and Leading Management.

This year's finals saw the rise of hijab-wearing beauties to the forefront, all from East Coast states.

The Miss Petite Global Borneo 2023 title went to Sabah-born Sabrina Lee, a 26-year-old marketing and business development executive living in Kuala Lumpur.

She was crowned by outgoing Miss Petite Global Borneo 2022, Alya Abdul.

Lee received RM2,500 and also picked up the Miss Beautiful Body and Best Catwalk subsidiary awards.

She will represent Borneo at the Miss Petite Global International Finals in 2024.

Meanwhile, Hazel Angeline Arthur, a 20-year-old student from Sarawak was crowned Miss Planet Malaysia 2023 and received RM1,500.

The Indian-Bidayuh beauty also claimed the Best in Interview subsidiary award. She will be representing Malaysia at the Miss Planet International 2023 in Phnom Penh, Cambodia in November this year.

The organiser also awarded the Best State Director award to Wawa Zubir from Dreamworld Management who is the mentor for contestants from East Coast region.



Amierah crowned by reigning Miss Petite Global 2023 Darsha Nair.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TAJUK : WHOLESALER SPONSORS RICE FOR SARAWAK DAY CHILDREN'S COLOURING CONTEST

HARI : AHAD AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 16 JUL 2023 M/SURAT : 12

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

# Wholesaler sponsors rice for Sarawak Day children's colouring contest



Cherry Mao (third right), Telang Usan Trading Company Sarawak Sdn Bhd admin officer, hands out a bag of rice to See Hua Marketing Sdn Bhd sales representative Sheryl Ung (third left).

**MIRI:** Local rice wholesaler Telang Usan Trading Company Sarawak Sdn Bhd yesterday sponsored a total of 54 bags of rice for the upcoming Sarawak Day children's colouring contest taking place on Saturday, July 22 from 10am till 2pm at Permaisuri Inperial City Mall, here.

A total of 42 bags of 5kg rice and 12 bags of 10kg rice were handed over as sponsorship.

Held in connection with the 27th edition of Miri Trade Fair (Mitraf 27) and the Sarawak Day celebration, around 200 children are expected to take part in this competition.

Telang Usan Trading Company Sarawak Sdn Bhd produces fragrant rice brands which include 'Beras Wangi Golden Star', 'Beras Wangi Nanas', 'Sun Rice Beras Wangi', 'Peacock Brand Beras Wangi', 'Beras Kampung', 'Beras 5 Bintang' and 'Sarawak Fragrant Rice'.

The company was established in August 2000 in Marudi and has branches in Miri and Batu Niah.

Established 23 years ago, the company also distributes daily sugar, cooking oil, coffee, instant noodles and other foodstuff.

The company directly imports rice from countries like Vietnam, Thailand, Cambodia, India and Pakistan, which are then locally processed and packed for the local market.

Organised by See Hua Marketing Sdn Bhd Miri branch, the upcoming five-day Mitraf 27 will be held at Permaisuri Imperial City Mall and The Imperial Mall, Miri from July 19 to 23 with more than 70 vendors ranging from small and medium enterprises (SMEs) to corporations showcasing a host of products and services.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN KAYAN PERAMOUNT CHIEF STRIVES TO BRING ABOUT CHANGES IN COMMUNITY | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman Kayan paramount chief strives to bring about changes in community

By Jenifer Laeng
reporters@theborneopost.com

THE roles of Orang Ulu women in today's society have changed tremendously over the years, with several of them having taken the non-traditional roles through active participation in politics, economy as well as in non-governmental organisations (NGOs).

One of them is Temenggong Elizabeth Deng, who has brought pride not only to her family but also the whole community through her active participation in many areas, mostly in championing the rights of women through her social work with local NGO, Doh Kayan Telang Usan (DKTU).



Elizabeth says amidst many progress and benefits enjoyed by today's women, she still wants to see better recognition being accorded to them.

> While we see more and more Orang Ulu women getting actively involved in politics, economy and social sectors nowadays, actually we are still underrepresented. Therefore, we hope to see more Orang Ulu women coming out of their comfort zone and being ready to contribute towards the development of not just their community, but the state as well.
> — Temenggong Elizabeth Deng

Elizabeth, now 63, created history when she became the first woman Orang Ulu Pemanca in 2012; thus, breaking the old tradition in her community where such a position would only be accorded to men.

"When I first received my appointment letter as Pemanca, I did not reject it – truly believing that I could do the job.

"After about a year and a half, I received an offer – this time to become the next Temenggong for the Kayan community.

"I declined the offer at first because I thought I had just started out my term as a Pemanca," she said in an interview conducted in Miri recently.

Several months had gone by when she later received a call, still regarding the proposed appointment for her to be next Kayan Temenggong.

It was then when Elizabeth felt that she could no longer decline such offer.

"I took up the position as the paramount chief for the Kayans on July 20, 2014, with my community's best interest in my heart.

"I just wanted to bring about changes in my community in particular, and the society at large," she said.

Despite being the first Orang Ulu woman to be appointed as Temenggong and thus, breaking the man-dominated tradition in her society, Elizabeth said she did not face any backlash or criticism from her community.

She said 'surprisingly', she had been receiving support from them, which had enabled her to continue her second term as Temenggong.

"Prior to my appointment as Pemanca and subsequently, as Temenggong, there were not many Orang Ulu women being actively involved in politics, economy and in NGOs.

"But today, we can see many Orang Ulu women taking up the non-traditional roles, either as leaders in society, heads of government departments, and also a number of them becoming successful entrepreneurs.

"All these have been made possible because of the Sarawak government's all-inclusive policy that includes women, including our Orang Ulu women, in politics, economy as well as other social sectors," she said.

However, Elizabeth said she would still want to see better recognition being given to women.

"Although there are already some Orang Ulu women holding high positions in society and across various agencies and departments, I do hope that better recognition would be accorded to deserving women."

According to the DKTU chairperson, there are many strong, intelligent and eloquent Orang Ulu women who are still not getting the equal opportunities in either serving at grassroots and community leadership levels, or holding high positions in both the government and the private sectors.

"While we see more and more Orang Ulu women getting actively involved in politics, economy and social sectors nowadays, actually we are still underrepresented.

"Therefore, we hope to see more Orang Ulu women coming out of their comfort zone and being ready to contribute towards the development of not just their community, but the state as well," she said.

Elizabeth was confident that under the leadership of Premier of Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, women, especially those from the Orang Ulu group, would continue to gain recognition and be given equal opportunities in politics, economy as well as in other fields.



Elizabeth (centre) in a group photo with some Kayan women from Long Laput, who were involved in a community workshop held there recently. On her right is Sudan Ajang, the programme's organiser.



Elizabeth (front, fifth right) presents a memento to Dr Keezya Ubong Yusuf, who was invited by DKTU to conduct a talk on dental care at Pustaka Miri recently.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DEMI WARGA EMAS, BUKA SEMULA KAUNTER BAYARAN SARAWAK ENERGY DI BINTANGOR: WONG | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Demi warga emas, buka semula kaunter bayaran Sarawak Energy di Bintangor: Wong

**SIBU:** Senator Roderick Wong menggesa kaunter pembayaran Sarawak Energy di Bintangor dibuka semula bagi memudahkan orang ramai terutama warga emas untuk membuat pembayaran bil utiliti mereka.

Beliau berkata, ramai pelanggan terutama warga emas tidak tahu menggunakan kios pembayaran yang disediakan, menyebabkan ada yang pergi ke pejabat Sarawak Energy di Sarikei untuk membayar bil mereka.

"Ini bukan sahaja menyusahkan mereka apabila mengambil kira kos tambang dan masa, tetapi menimbulkan kesukaran kepada warga emas terbabit," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Wong yang berkunjung ke pejabat syarikat utiliti itu di Bintangor, agak terkejut apabila melihat kaunter pembayaran ditutup walaupun mempunyai kakitangan yang bertugas.

"Kakitangan ada di sana tetapi pengunjung diberitahu untuk membuat pembayaran menggunakan kios yang disediakan. Ini agak membingungkan," katanya.

Walaupun tidak menolak penggunaan kios itu, Wong berpendapat adalah perlu untuk memberi pertimbangan terhadap keperluan warga emas.

Sehubungan itu beliau menyeru pihak terbabit membenarkan pelanggan terutama warga emas untuk membuat bayaran di kaunter yang ada.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JOHOR PASTIKAN KEBAJIKAN BELLA, KANAK-KANAK TERJAMIN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Johor pastikan kebajikan Bella, kanak-kanak terjamin

**JOHOR BAHRU:** Kerajaan Negeri Johor akan memastikan kebajikan seorang remaja perempuan sindrom down dikenali sebagai Bella dan semua kanak-kanak di negeri ini akan dijaga dengan sebaik mungkin.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Khairin-Nisa Ismail @ Md On berkata penghargaan diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMNJ) yang membawa remaja istimewa itu berpindah ke negeri ini.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMNJ) yang membawa adik Bella ke negeri ini dalam usaha menjaga kebajikannya," katanya dalam hantaran menerusi Facebooknya, kelmarin.

Dalam pada itu, isteri Tunku Mahkota Johor, Che' Puan Besar Khaleeda turut meluangkan masa melawat Bella yang dilihat sedang menyesuaikan diri di tempat dan persekitaran baharu, serta rakan-rakannya di sini kelmarin.

"Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan perkara ini khususnya Khairin-Nisa serta JKMNJ. Allah Berkati Johor," menurut hantaran dalam Facebook YAM Che' Puan Besar Khaleeda yang turut berkongsi beberapa keping gambar lawatan itu.

Khairin-Nisa berkata Che' Puan Besar Khaleeda amat menyayangi serta prihatin dengan golongan kanak-kanak dan OKU di negeri ini.

Pada Mei lepas, pengasas Rumah Bonda Siti Bainun Ahd Razali dijatuhkan hukuman penjara 22 tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan mengabai dan menganiaya Bella sehingga remaja berkenaan mengalami kecederaan fizikal dan emosi yang serius. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LAPORAN POLIS KES GANGGUAN SEKSUAL JURULATIH DODGEBALL TELAH DIBUAT: HANNAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Laporan polis kes gangguan seksual jurulatih dodgeball telah dibuat: Hannah

**GEORGE TOWN:** Laporan polis berhubung kes gangguan seksual membabitkan jurulatih sukan dodgeball telah dibuat untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan lanjut, kata Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Beliau berkata selain itu, pihak Kementerian Pendidikan (KPM) juga sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian tidak bermoral membabitkan jurulatih itu.

"Laporan polis berhubung kejadian itu telah dibuat dan dalam masa sama, KPM juga masuk untuk menjalankankan siasatan, minggu depan saya akan berjumpa dengan pihak terlibat (bagi membincangkannya)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Belia Negara dan Jelajah Mini Rakan Muda Peringkat Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini semalam.

Hannah berkata demikian bagi mengulas laporan media baru-baru ini berhubung kes gangguan seksual membabitkan sukan dodgeball yang mangsanya melibatkan murid sekolah rendah.



**ANUGERAH PERDANABELIA: Hannah Yeoh (tiga, kanan) menyampaikan replika cek Anugerah Perdana Belia Negara kepada wakil Majlis Belia Negara India Malaysia Cawangan Maccallum pada Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang, semalam.** — Gambar Bernama

Presiden Persatuan Dodgeball Malaysia (MAD) Datuk V. Radhakrishnan dilaporkan berkata pihaknya menerima aduan daripada Biro Kokurikulum Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan dan akan membuat pertemuan dengan Hannah bagi membincangkan pelaksanaan kod sukan selamat dengan lebih terperinci.

Radhakrishnan dilaporkan berkata tindakan tidak bermoral itu jelas memberi impak negatif kepada sukan dodgeball, malah secara tidak langsung akan memberi kesan kepada ibu bapa untuk membabitkan anak-anak mereka dengan aktiviti sukan di sekolah.

Sementara itu, Hannah berkata menerusi inisiatif Rakan Muda iaitu gaya hidup Rakan Demokrasi, pihaknya sedang menjalankan beberapa projek bagi menyemarakkan kefahaman dan pengetahuan demokrasi terutama menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) terhadap golongan muda.

Katanya menerusi Rakan Demokrasi itu, mereka bukan sahaja diberi maklumat tentang hak keluar mengundi tetapi juga pendidikan tentang pilihan raya dan proses mengundi supaya golongan berkenaan tahu apa yang perlu dilakukan.

"Hak untuk mereka keluar mengundi telah diberikan, namun kalau hak itu tanpa pendidikan agak susah juga, sebab kita bimbang mereka tidak tahu apa nak buat dengan proses pengundian dan sebagainya ... ini yang kita banyak jalankan terutama kandungan dalam talian supaya mereka mendapat maklumat yang betul berikutan objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman golongan belia tentang sistem demokrasi," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Hannah turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM500,000 dana sukan komuniti untuk disalurkan kepada kumpulan belia di negeri ini menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Pulau Pinang pada tahun ini.

"Sempena Sambutan Hari Belia Negeri Pulau Pinang, saya telah mengumumkan dana sukan komuniti sebanyak RM500,000 dan mana-mana kumpulan belia yang perlukan dana untuk aktiviti dan program sukan, mereka boleh mohon dengan JBSN Pulau Pinang," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBINAAN PUSAT HEMODIALISIS PEMANGKIN PENJAGAAN KESIHATAN WARGA FELDA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembinaan pusat hemodialisis pemangkin penjagaan kesihatan warga FELDA

**KUALA NERANG:** Inisiatif kerajaan untuk membina pusat hemodialisis di semua wilayah FELDA, disifatkan mampu menjadi pemangkin kepada penjagaan kesihatan warga peneroka.

Ketua Peneroka FELDA Lubuk Merbau Mat bin Awang Saad berkata pembinaan pusat tersebut, dilihat sebagai salah satu infrastruktur penting kepada warga FELDA untuk mendapatkan penjagaan kesihatan dengan mudah.

"Kami warga peneroka memerlukan sebuah pusat hemodialisis, pada masa ini ada pesakit buah pinggang di FELDA ini yang tinggal dengan anak-anak mereka di pekan untuk dekat dengan klinik atau hospital, malah ada yang terpaksa menyewa rumah supaya senang berulang-alik ke klinik atau pusat hemodialisis swasta.

"Dengan adanya pusat itu nanti, ia akan memudahkan urusan warga FELDA untuk mendapatkan rawatan dan tentunya akan dapat mengurangkan perbelanjaan mereka berbanding sebelum ini," katanya kepada Bernama di sini.

Bagi peneroka FELDA Osman Awang, 81, berkata inisiatif itu menunjukkan kerajaan benar-benar prihatin terhadap tahap kesihatan warga FELDA dan mengambil berat nasib mereka.

Beliau turut mengalu-alukan pengumuman kerajaan, untuk menanggung perbelanjaan kos operasi bagi 37,012 lampu jalan di tanah rancangan FELDA seluruh negara.

"Kita juga minta tambahan 40 lampu jalan lagi, terutama dari Kampung Berjaya dan Kampung Kura ke tempat kami, serta di lima simpang jalan kampung yang tentunya akan dapat meningkatkan tahap keselamatan penduduk," katanya yang turut memberitahu sehingga kini terdapat lebih 100 lampu jalan di FELDA Lubuk Merbau.



MAT AWANG SAAD



OSMAN AWANG

Sementara itu, peneroka di FELDA yang sama Anuar Rahim, 58, yang merupakan generasi kedua FELDA, meminta kerajaan turut menangani isu perparitan di kawasan FELDA itu, yang menurut beliau masih belum lengkap.

"Longkang juga menjadi masalah, kerana ada di setengah tempat tidak dibuat menyeluruh dan apabila hujan lebat air rumah ditenggelami air. Selain itu kami juga minta dinaik taraf pekan Lubuk Merbau agar lebih tersusun dan lengkap, dengan kemudahan lain yang akan mencantikkan kawasan," katanya.

Pada 7 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan beberapa inisiatif dan insentif, bagi meningkatkan kualiti hidup dan memelihara kebajikan warga FELDA, termasuk dalam aspek penyediaan infrastruktur, penjagaan kesihatan, pendigitalan dan perumahan.



ANUAR RAHIM

Antara yang diumumkan Anwar untuk warga FELDA ialah Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) yang membabitkan peruntukan RM21.2 juta, pembinaan pusat hemodialisis dengan peruntukan RM21 juta, perbelanjaan untuk kos operasi lampu jalan dengan implikasi kewangan sebanyak RM7.7 juta setahun, dan subsidi diesel RM36 juta setahun bagi tiga FELDA di Sabah.

Beliau turut mengumumkan program Digital MADANI bagi memperkasa ekonomi gig, penyelesaian isu perumahan generasi baharu FELDA (PGBF) dan usaha membantu peneroka getah beralih kepada tanaman komoditi lain seperti sawit dan kelapa. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENDUDUK KOTA SAMARAHAN SAMBUT MERIAH KONVOI KEMBARA 60 TAHUN SARAWAK MERDEKA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penduduk Kota Samarahan sambut meriah Konvoi Kembara 60 Tahun Sarawak Merdeka

**KOTA SAMARAHAN:** Cuaca panas tidak mematahkan semangat penduduk Kota Samarahan untuk menyambut ketibaan Konvoi Kembara 60 Tahun Sarawak Merdeka di pekarangan The Summer di sini, semalam.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg sekitar jam 2.54 petang itu disambut meriah oleh pengunjung di lokasi berkenaan.

Setibanya di pusat beli-belah itu, Abang Johari menyaksikan persembahan menarik yang disediakan oleh penganjur sempena 60 Tahun Sarawak Merdeka.

Lebih meriah, Abang Johari turut menyaksikan penyerahan bendera Konvoi Kembara 60 Tahun Sarawak Merdeka antara Residen Serian Selamat Jati Yanjah dan Residen Samarahan Mohamad Irwan Bahari Bujang.

Usai menyaksikan penyerahan itu, Abang Johari seterusnya meninjau Pameran Digital Sarawak Merdeka Peringkat Bahagian Samarahan 2023 di dalam pusat beli-belah berkenaan sebelum melakukan simbolik perasmian pameran tersebut.

Selepas itu, beliau menikmati jamuan petang di pekarangan The Summer bersama masyarakat yang berkunjung ke majlis berkenaan.



**MESRA:** Abang Johari bersalaman dengan kanak-kanak yang menyambut ketibaannya di pekarangan Pusat Beli-Belah The Summer, semalam. — Gambar Penerangan

Terdahulu, Konvoi Kembara 60 Tahun Sarawak Merdeka dilancarkan di Bahagian Serian sekitar jam 1 petang.

Konvoi berkenaan tiba di Bandar Baharu Siburan sebelum meneruskan perjalanan ke Kota Samarahan.

Mengiringi konvoi berkenaan ialah isteri beliau Puan Sri Datuk Amar Juma'ani Tun Tuanku Bujang, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar serta Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Dato Gerald Rentap Jabu.

Turut hadir Timbalan Menteri di Pejabat Premier Sarawak Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Ir Aidel Lariwoo, Timbalan Speaker DUN Dato Idris Buang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Stakan Dato Hamzah Brahim, ADUN Simunjan Awla Dris, Ahli Parlimen Batang Sadong Rodiyah Sapiee dan tetamu yang lain.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA SEKELUARGA CEDERA, KERETA HILANG KAWALAN TERJUNAM KE DALAM GAUNG | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**REMUK:** Anggota bomba berusaha mengeluarkan mangsa dari dalam gaung susulan kemalangan kereta di Jalan Tatau-Bintulu, semalam.

# Tiga sekeluarga cedera, kereta hilang kawalan terjunam ke dalam gaung

**BINTULU:** Tiga sekeluarga mengalami kecederaan ringan selepas kereta yang dinaiki mereka terjunam ke dalam gaung sedalam 30 meter berhampiran Jalan Sekolah Kebangsaan (SK) Kelawit di Jalan Tatau-Bintulu, semalam.

Pusat Gerakan Operasi Bomba Negeri Sarawak berkata, dalam kejadian pada jam 3.06 petang itu, kereta terbabit dipercayai hilang kawalan lalu terbabas sebelum terjatuh ke dalam gaung.

"Sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tatau digerakkan ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan kecemasan bagi menjalankan kerja-kerja menyelamat serta mengeluarkan mangsa," ujarnya.

Sejurus tiba di lokasi kejadian, pasukan bomba mendapati mangsa yang merupakan pasangan suami isteri berumur 30 dan 31 tahun dan seorang anak perempuan mereka berusia empat tahun sudah berjaya keluar dari kereta.

Kesemua mangsa yang cedera ujarnya, dibawa keluar dari gaung ke kawasan selamat dengan menggunakan pengusung khas sebelum diserahkan kepada Unit Ambulans untuk tindakan lanjut.

Selepas keadaan didapati benar-benar selamat, pasukan bomba bertolak semula balik ke balai, katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS BERUSIA 111 TAHUN LELAKI TERTUA DI MALAYSIA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 16 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas berusia 111 tahun lelaki tertua di Malaysia

## Pengiktirafan ke atas Seliman Bandang dari Tenggalat yang lahir pada 21 Mac 1910 diumum Malaysia Book of Records

Oleh Kepu Sidi

**SARATOK: Warga emas dari Tenggalat di sini telah diiktiraf sebagai lelaki tertua yang masih hidup di negara ini oleh Malaysia Book of Records (MBR).**

Pengiktirafan ke atas Seliman Bandang yang lahir pada 21 Mac 1910 diumumkan oleh Pengarah Pemasaran MBR Jwan Heah dalam laman Facebook rasmi MBR, baru-baru ini.

Menurut cucu lelaki Seliman, Michael Bandang, datuknya sering berkongsi rahsia awet mudanya, iaitu sentiasa bahagia dan menjalani kehidupan tanpa tekanan.

> “Selain itu, pemakanan seimbang yang diamalkan oleh datuk saya juga merupakan faktor penyumbang kepada tahap kesihatannya.”
>
> Michael Bandang
> Cucu

“Selain itu, pemakanan seimbang yang diamalkan oleh datuk saya juga merupakan faktor penyumbang kepada tahap kesihatannya,” kata Michael ketika dihubungi media baru-baru ini.

Menurutnya, semasa kemuncak pandemik COVID-19 dahulu di mana semua orang dikehendaki mendapatkan suntikan vaksin, Seliman tidak menentang idea itu apabila dimaklumkan oleh keluarganya.

Semasa proses vaksinasi, Michael berkata doktor menasihatkan agar datuknya dirujuk ke hospital dengan segera sekiranya mengalami pening atau kesan sampingan lain.



**MOGA TERUS SIHAT: Gambar keluarga menunjukkan Seliman (lima kiri) yang diumumkan sebagai lelaki tertua yang masih hidup di negara ini oleh MBR, baru-baru ini.**

“Datuk saya tidak mengalami apa-apa kesan sampingan daripada vaksinasi, malah dia tidak menentang idea itu apabila keluarga saya meminta dia pergi untuk mendapatkan suntikan vaksin,” katanya.

Menurut Micheal lagi, datuknya pernah berkata beliau amat bangga melihat Lebuh Raya Pan Borneo yang hampir siap.

Sementara itu, Heah berkata momen ini pasti satu pengalaman yang menakjubkan untuk Seliman kerana beliau dapat menyaksikan dan menjadi sebahagian daripada perubahan monumental yang telah berlaku di dunia ini sejak 100 tahun lalu.

“Tidak ramai orang di dunia ini yang mampu berkongsi cerita sebegitu.

“MBR ingin mengucapkan tahniah kepada Seliman dan mendoakan kesihatan dan kebahagiaan yang terbaik untuk beliau dan keluarganya,” kata Heah.